

**TEKS UCAPAN**

**YBHG DATO' IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN**

**KETUA PENGARAH**

**LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN**

**LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**PADA 12 JANUARI 2022**

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS**

**YANG BERUSAHA IR. SAZALI BIN HARUN**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)**

**YANG BERUSAHA PN. HASLINA BINTI HASHIM**

**PENGARAH KANAN PENGURUSAN**

**PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN DAN WILAYAH**

**PEGAWAI DAN KAKITANGAN**

**TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.**

## **PENDAHULUAN**

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KEHADRAT ALLAH S.W.T KERANA DAPAT BERHIMPUN BERSAMA-SAMA DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) PADA HARI INI, DI DEWAN BAHARU, TAHUN BARU DENGAN NORMA BAHARU.

2. TERLEBIH DAHULU, TIDAK TERLAMBAT KIRANYA SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU 2022 KEPADA KELUARGA LLM SEKALIAN. SEMOGA DENGAN BERMULANYA TAHUN BARU INI, MAKA BERMULALAH AZAM DAN SEMANGAT BAHARU DALAM DIRI SETIAP WARGA UNTUK MEMPAMERKAN KESUNGGUHAN DAN KREATIVITI MASING-MASING DALAM MENGGALAS TUGASAN YANG TELAH DIAMANAHKAN DENGAN JUJUR.

### **ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA**

3. SEBAGAIMANA TUAN/PUAN SEDIA MAKLUM, YAB PERDANA MENTERI TELAH MELANCARKAN ASPIRASI “KELUARGA MALAYSIA” PADA 23 OKTOBER 2021. IDEA KELUARGA MALAYSIA MERUPAKAN

SEMANGAT YANG DITERAPKAN KERAJAAN DALAM PENTADBIRAN NEGARA, DI MANA KEPENTINGAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DIPELIHARA SEPERTI MENJAGA SEBUAH KELUARGA.

4. KONSEP 'KELUARGA MALAYSIA' INI MENGGARISKAN 3 TERAS UTAMA DAN 20 PENGKAYAAN NILAI YANG MENDASARI HASRAT KERAJAAN UNTUK BEKERJA SECARA BERSAMA-SAMA DALAM MEMULIHKAN NEGARA DARIPADA MASALAH DAN KESAN PANDEMIK COVID-19. 3 TERAS UTAMA YANG DIGARISKAN ADALAH KETERANGKUMAN, KEBERSAMAAN DAN KESYUKURAN.

5. JUSTERU, SAYA BERHARAP KITA DI LLM DAPAT MELAKSANAKANNYA DALAM KONTEKS “KELUARGA LLM” DENGAN BEKERJA DALAM SEMANGAT SEBUAH KELUARGA DAN TERUS KONSISTEN MEMBERI TUMPUAN KEPADA PROGRAM SERTA INISIATIF YANG MELIMPAHKAN KESEJAHTERAAN DAN MANFAAT KEPADA SELURUH KELUARGA LLM.

6. BAGI MENINGKATKAN SEMANGAT KERJASAMA DAN UKHWAH ANTARA KELUARGA LLM, SAYA INGIN MENGUMUMKAN BAHAWA MESYUARAT LEMBAGA TELAH BERSETUJU AGAR LEBIH BANYAK

PROGRAM DIATUR OLEH LLM DENGAN MELIBATKAN AHLI LEMBAGA, PENGURUSAN KKR, PSKLM DAN AGENSI-AGENCI LAIN. MELALUI PROGRAM-PROGRAM INI JARINGAN KERJASAMA ANTARA LLM DAN AGENSI LAIN DAPAT DIPERLUASKAN DAN SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMPERTINGKATKAN IMEJ LLM. PROGRAM YANG DIRANCANG AKAN MELIBATKAN KELUARGA LLM DAN KELUARGA INDUSTRI LEBUH RAYA.

### **PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2022**

KELUARGA LLM YANG DIKASIHI SEKALIAN,

7. SETIAP TAHUN KITA AKAN MENETAPKAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA LLM SUPAYA BUDAYA KERJA BERASASKAN PRESTASI DITERAPKAN SELARAS SARANAN KERAJAAN.

8. LLM TELAH MENETAPKAN KPI TAHUN 2022 BERDASARKAN 4 BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA) IAITU:

- i. MEMASTIKAN PEMBINAAN LEBUH RAYA DISIAPKAN MENGIKUT JADUAL DAN PIAWAIAN YANG DITETAPKAN;
- ii. MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN, PENGURUSAN DAN KAWAL SELIAAN LEBUH RAYA;

iii. MEMBERIKAN PERKHIDMATAN LEBUH RAYA YANG CEKAP, SELESA DAN SELAMAT SERTA MEMENUHI KEPUASAN PENGGUNA; DAN

iv. MENINGKATKAN IMEJ LLM.

9. BERDASARKAN KRA YANG DITETAPKAN, **32 KPI** TELAH DIBANGUNKAN MERANGKUMI PERINGKAT PERANCANGAN, PEMBINAAN DAN OPERASI LEBUH RAYA SERTA PENGURUSAN KHIDMAT SOKONGAN.

10. SAYA BERHARAP MELALUI KPI 2022 INI, KITA DAPAT MEMENUHI TANGGUNGJAWAB KITA SEBAGAI *GOVERNMENT REPRESENTATIVE* BAGI MEMASTIKAN KEPENTINGAN KERAJAAN DAN KESELAMATAN SERTA KESELESAAN PENGGUNA LEBUH RAYA TERJAMIN.

### **SASARAN KERJA TAHUNAN 2022**

11. DALAM MENGORAK LANGKAH DI TAHUN 2022, KITA PERLU BERUBAH KE ARAH CARA KERJA YANG LEBIH EFISYEN DAN TERANCANG. JUSTERU ITU, PENGURUSAN LLM TELAH MENETAPKAN BAHAWA SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) TAHUN INI HENDAKLAH

BERBEZA DARIPADA KAEDAH PENETAPAN SKT TAHUN-TAHUN SEBELUM INI.

12. SKT TAHUN INI HENDAKLAH DIPERINCIKAN DENGAN PROGRAM DAN AKTIVITI BAGI MEMUDAHKAN PENGUKURAN PRESTASI PADA HUJUNG TAHUN.

**PELAKSANAAN TEKNOLOGI RADIO FREQUENCY IDENTIFICATION (RFID) DAN MULTI LANE FREE FLOW (MLFF)**

TUAN/PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

13. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, BERMULA 15 JANUARI 2022, TRANSAKSI TOL MENGGUNAKAN TEKNOLOGI *RADIO FREQUENCY IDENTIFICATION* (RFID) AKAN DILAKSANAKAN UNTUK KENDERAAN RINGAN PERSENDIRIAN (KELAS 1) DI LALUAN JURU HINGGA SKUDAI DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN. INI MERUPAKAN SATU KEJAYAAN YANG BESAR KEPADA LLM DALAM MEMPERCEKAPKAN SISTEM KUTIPAN TOL DI NEGARA INI. WALAU BAGAIMANAPUN, KUTIPAN TOL

MENGGUNAKAN KAD TOUCH 'N GO DAN SMART TAG **MASIH LAGI DIKEKALKAN.**

14. PELAKSANAAN RFID MERUPAKAN LANGKAH PERTAMA KE ARAH PELAKSANAAN *MULTI LANE FREE FLOW* (MLFF) DI LEBUH RAYA. SAYA AMAT BERSYUKUR KERANA CADANGAN PELAKSANAAN MLFF INI TELAH MENDAPAT MAKLUMBALAS POSITIF DARIPADA KERAJAAN. SAYA BERHARAP AGAR PERKARA INI DAPAT DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL.

#### **PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG (RUU)**

15. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, SUKACITA DIMAKLUMKAN BAHAWA LLM TELAH MENERIMA REAKSI POSITIF DARIPADA AGENSI DAN JABATAN YANG TERLIBAT DENGAN PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG AKTA LLM. TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT. WALAU BAGAIMANAPUN, KITA PERLU BERUSAHA DENGAN LEBIH GIAT BAGI MEMASTIKAN PINDAAN RUU INI DAPAT DILAKSANAKAN DEMI MASA DEPAN LLM.



## **INISIATIF BANTUAN MANGSA BANJIR**

16. MUSIBAH BANJIR YANG MELANDA HUJUNG TAHUN LEPAS TELAH MEMBERI KESAN KEPADA 12 KELUARGA WARGA LLM. OLEH YANG DEMIKIAN, LLM DENGAN KERJASAMA MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) DAN BADAN KEBAJIKAN SOSIAL DAN SUKAN (BKSS) TELAH MENGADAKAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) KEPADA WARGA LLM YANG TERJEJAS PADA 22 DISEMBER 2021. SERAMAI 15 ORANG SUKARELAWAN LLM TELAH DIHANTAR BAGI MEMBANTU MEMBERSIHKAN RUMAH WARGA LLM YANG TERKESAN AKIBAT BANJIR DI TAMAN SRI NANDING.

17. SELAIN ITU, LLM DAN SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA MELALUI KKR JUGA TELAH MENYERTAI MISI PASCA BANJIR KKR PADA 30 DISEMBER 2021 SEHINGGA 2 JANUARI 2022. SERAMAI 731 SUKARELAWAN LLM DAN SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA TURUN PADANG BAGI MEMBANTU MEMBERSIHKAN KAWASAN DAN RUMAH MANGSA BANJIR DI TAMAN SRI NANDING. TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA SUKARELAWAN YANG TELAH MENYUMBANG TENAGA DAN MASA DEMI MEMBANTU MERINGANKAN

BEBAN MANGSA BANJIR. DIHARAP USAHA MURNI INI DAPAT DITERUSKAN PADA MASA AKAN DATANG.

18. DI SAMPING ITU, LLM BERSAMA PERSATUAN SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA MALAYSIA (PSKLM) DAN LEBUHRAYA EKVE TURUT MEMBERI SUMBANGAN 4 BUAH *WATER JET* DAN 100 BEG SEKOLAH KEPADA MANGSA BANJIR DI TAMAN SRI NANDING YANG TELAH DISAMPAIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA KKR PADA 4 JANUARI 2022.

19. DIMAKLUMKAN JUGA, TABUNG KUTIPAN SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR LLM TURUT TELAH DIGERAKKAN DAN TELAH BERJAYA MENGUMPUL SEBANYAK RM6,505.00. TERIMA KASIH KEPADA KELUARGA LLM YANG PRIHATIN DAN DIHARAP SUMBANGAN INI DAPAT MERINGANKAN BEBAN WARGA LLM YANG TERJEJAS.

## **PENUTUP**

HADIRIN SEKALIAN,

20. AKHIR KATA, SAYA BERHARAP AGAR WARGA LLM DAPAT MENERAPKAN ELEMEN PEMIKIRAN KREATIF, GAYA KEPIMPINAN

TERPUJI, IDEA INOVASI, BUDI BAHASA YANG BERNILAI TINGGI, DALAM MENGGALAS AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PEGAWAI LLM.

21. TERIMA KASIH DAN TAHNIAH DIUCAPKAN DI ATAS SEGALA USAHA DAN PENCAPAIAN YANG DIPEROLEH SEPANJANG TAHUN LEPAS. AYUH KITA MELANGKAH KE TAHUN BAHARU 2022 DENGAN LEBIH BERSEMANGAT DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA INDUSTRI LEBUH RAYA. HARAPAN AGAR TAHUN 2022 INI, AKAN MEMBERIKAN LEBIH BANYAK KEJAYAAN DAN KEBERHASILAN YANG MENGAGUMKAN. HARUS DIINGAT JUGA, KITA MASIH BERPERANG DENGAN COVID-19. KEKAL PATUHI SOP COVID-19 YANG TELAH DITETAPKAN DAN JAGA KESIHATAN.

SEKIAN, WABILLAHİ TAUFİQ WALHİDAYAH WASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.